

02 MAR 1999

Mahathir-Dasar

MENTERI TIDAK BOLEH MEMPUNYAI DASAR BEBAS, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mikhail Raj

DHAKA, 2 Mac (Bernama) -- Menteri Kabinet, termasuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tidak boleh mempunyai dasar bebas yang bertentangan dengan dasar rasmi kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Menteri tidak boleh mempunyai dasar bebas kerana ini boleh menyebabkan kekeliruan dan ketidakberkesanan," kata Perdana Menteri semasa ditanya sama ada timbalan perdana menteri patut berada di belakang Perdana Menteri atau melaksanakan dasar bebas.

Perkara ini dikemukakan pada persidangan berita yang diadakan pada akhir sidang kemuncak dua hari kumpulan lapan negara membangun Islam (D-8) apabila Dr Mahathir diujungi dengan banyak soalan mengenai pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri September lepas.

"Bagi kami ialah tanggungjawab bersama, dengan anggota-anggota Kabinet mempunyai tanggungjawab yang sama dan kami sentiasa menyokong apa pun dasar yang kerajaan putuskan," katanya.

"Tidak boleh ada seorang menteri yang mempunyai dasar bebas sendiri kerana ini boleh menyebabkan kekeliruan dan ketidakberkesanan," katanya.

Anwar pula, Dr Mahathir berkata pada peringkat permulaan, beliau percaya dan menyokong dasar kredit yang ketat yang dicadangkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi mengendalikan krisis matawang serantau.

Katanya, Anwar akhirnya bersetuju dengan pandangan kerajaan bagi melaksanakan peluasan dasar kewangan.

Ini telah menyelamatkan Malaysia daripada kesan sosial dan ekonomi yang teruk berbanding cadangan yang diberikan oleh IMF dengan bank dan syarikat ditutup yang telah menyumbang kepada pengangguran yang tinggi dan sering berlaku rusuhan seperti di negara jiran.

Beliau menegaskan bahawa tidak seorang pun, sama ada perdana menteri dan timbalan perdana menteri, menteri serta pegawai kerajaan, terkecuali daripada undang-undang.

Jika mereka melakukan sesuatu yang melanggar undang-undang, mereka akan dibicarakan mengikut prosedur biasa dan harus menghadapi akibatnya, kata Dr Mahathir.

Beliau juga berkata bahawa di Malaysia dan dalam kerajaan-kerajaan lain, bukan perkara luarbiasa bagi seseorang menteri dibuang, tetapi dalam kes Anwar, beliau tidak dapat menerimanya, yang telah menyebabkan beliau mengetuai demonstrasi untuk mengulingkan kerajaan.

Ditanya sama ada terdapat tekanan daripada kerajaan Barat untuk membebaskan Anwar, beliau berkata: "Nampaknya, banyak kerajaan Barat mahu Anwar dibebaskan. Beliau mempunyai ramai kawan di Barat, beliau menyokong dasar-dasar Barat."

"Pandangan beliau mengenai Barat berbeza dengan saya ... saya rasa mereka lebih suka beliau menjadi perdana menteri, jadi mereka gunakan media dan pertubuhan antarabangsa untuk memaksa kita," katanya.

"Tetapi kita yakin dengan undang-undang, sama ada ia bagi kawan atau musuh. Ianya terpakai sama rata ke atas semua orang," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata: "Hinggakan keputusan perdana menteri pun tidak ada kuasa untuk mengatasi undang-undang negara".

Mengenai hubungan antara Malaysia dan Amerika Syarikat, beliau berkata ianya baik walaupun sekali sekala ada masalah, antaranya termasuk sokongan yang diberikan oleh Naib Presiden Al Gore terhadap gerakan reformasi dan demonstrasi yang diadakan di jalan-jalan, pada sidang kemuncak Apec

November lepas.

-- BERNAMA

MR RHM